



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعة إنسانية
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-18 SIDANG PERTAMA**

**PADA : 24 SEPTEMBER 2016
TEMPAT : DEWAN PERMAISURI TUANKU HAJAH
HAMINAH**

TEKS UCAPAN
YBHG PROF DATO' DR MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL
MUKTIREKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-18

Bismillahirrahmanirahim

Alhamdulillahirrabbilamin
wassolatuwassalamualaasyrafilambiyaiwalmursalin
waalaalihiwasahbihiajmain

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Mengadap Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku
Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Tunku Temenggong
Kedah, Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Pro-Canselor 1 Kolej
Universiti INSANIAH.

Mengadap Yang Teramat Mulia Datin Seri Diraja, Puan Sri, Dato' Seri,
Tengku Maleha binti Tengku Arif, Tunku Puan Temenggong Kedah

Ampun Tunku,

Patik mewakili seluruh warga Kolej Universiti INSANIAH menjunjung
kasih di atas limpah perkenan Yang Teramat Mulia Tunku berdua
berangkat hadir ke Istiadat Konvokesyen ke-18 Kolej Universiti
INSANIAH pada hari ini. Sesungguhnya keberangkatan Yang Teramat
Mulia Tunku berdua adalah sangat bermakna dan memberi inspirasi
kepada Patik sekalian untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh
menjadikan Kolej Universiti INSANIAH sebagai sebuah Institusi
Pengajian Tinggi Islam milik penuh Kerajaan Negeri Kedah yang
terulung dan disegani di rantau ini.

Ampun Tunku, Patik mohon limpah perkenan untuk mengalu-alukan
kehadiran dif-dif jemputan yang turut hadir pada hari ini.

AmpunTunku,

YAB Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah, Menteri Besar Kedah Darul Aman, dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hizam binti Awang Ahmad.

Yang Berbahagia, Tan Sri-Tan Sri, Puan Seri-Puan Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Wakil-wakil IPT

Tuan-Tuan, Puan-Puan

Para waris dan para graduan yang diraikan sekalian.

Selamat datang ke Istiadat Konvokesyen Ke-18 Kolej Universiti INSANIAH.

Ahlanwasahlan wa marhaban bikum fi haflittakharruj jamiah al Insaniah

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT yang mengizinkan kita berkumpul pada hari yang mulia ini bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH kali Ke-18.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah daripada saya dan seluruh warga Kolej Universiti INSANIAH kepada semua graduan yang telah berjaya dan akan dianugerahkan ijazah masing-masing, termasuk para graduan daripada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Kelantan yang telah berjaya menamatkan program berkembar bersama Kolej Universiti INSANIAH pada tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada para ibu bapa yang tidak pernah berputus asa dalam memastikan kejayaan anak-anak, dan akhirnya usaha ini membawa kejayaan yang cemerlang untuk mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat.

Secara peribadi, saya amat berbangga dengan kejayaan andasemua. Saya yakin dan percaya kejayaan anda semua pada hari ini pasti menjadi pendorong kepada mahasiswa yang lain untuk terus berusaha bagi mencapai kejayaan yang sama di masa akan datang.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sempena Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) yang ke-18 ini, saya mewakili seluruh warga Kolej Universiti INSANIAH (KUIN), ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Kedah di bawah pimpinan **YAB. Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah**, Menteri Besar Kedah, merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti INSANIAH, di atas segala sokongan padu yang diberikan kepada Kolej Universiti INSANIAH selama ini sama ada dalam bentuk kewangan, pengurusan dan khidmat nasihat bagi tujuan memastikan kampus Kuala Ketil ini dibangunkan menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang dihormati dan disegani.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Untuk makluman, pada awal bulan Disember 2014, Kolej Universiti INSANIAH telah beroperasi sepenuhnya di Kampus Baru Kuala Ketil ini. Alhamdulillah, melalui perpindahan tersebut, kini bilangan pelajar keseluruhannya mencapai hampir 5000 orang pelajar. Usaha untuk meningkatkan bilangan pelajar terus dipertingkatkan melalui pelbagai kaedah perancangan promosi yang lebih tersusun dan teratur bagi mencapai sasaran pelajar seramai 7000 orang. Seterusnya usaha kearah menaiktaraf Kolej Universiti INSANIAH kepada universiti penuh pada tahun 2017. Usaha secara berterusan ini adalah bagi memastikan Kolej Universiti INSANIAH terus menjadi pilihan utama sebagai destinasi ilmu yang unik ke arah melahirkan generasi mukmin profesional yang kompetitif dan berdaya saing dalam mengimbangi antara keperluan duniawi dan ukhrawi.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Bagi memastikan Kolej Universiti INSANIAH menjadi salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang tersohor di rantau ini, maka beberapa bentuk kerjasama telah dilaksanakan bagi memastikan nama Kolej Universiti INSANIAH dikenali bukan sahaja di rantau ini, tetapi juga di seluruh dunia.

Baru-baru ini, lawatan kerja ke negara Mesir telah dilakukan bagi menjalin hubungan kerjasama dengan lebih erat dengan Universiti al-Azhar bagi memantapkan program sedia ada disamping mengenalpasti bidang-bidang kerjasama akademik yang baru di antara Kolej Universiti INSANIAH dengan universiti terulung Islam itu. Di samping itu juga, Kolej Universiti INSANIAH turut menandatangani persefahaman (MoU) bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei serta beberapa Insititusi pengajian tinggi Islam di Indonesia dan Thailand disamping IPT-IPT tempatan.

Semua ini merupakan antara perancangan strategik bagi tujuan kelestarian akademik Kolej Universiti INSANIAH dalam memastikan universiti ini menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Program-program *franchise* serta jalinan kerjasama serantau menjadi salah satu medium utama promosi Kolej Universiti INSANIAH di peringkat tempatan mahupun di peringkat global turut dipertingkatkan. Antara program-program *franchise* yang telah dilaksanakan adalah bersama Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Kelantan, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) Pahang, Kolej Yayasan Restu Selangor, Kolej Yayasan Sabah di Sabah dan lain-lain lagi. Sehingga kini Kolej Universiti INSANIAH mempunyai hampir 1000 orang pelajar dalam pelbagai bidang pengajian daripada program *franchise* ini, seperti Syari'ah, Usuluddin, Kewangan dan Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Takaful dan al-Qur'an.

KUIN sememangnya sangat berpotensi untuk berkembang maju memenuhi kepentingan pendidikan ummah. Penggunaan bahasa arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajian Islam serta penerapan unsur-unsur Islam dalam pengajian perubatan, teknologi serta hospitaliti merupakan satu kekuatan KUIN dalam melaksanakan islamisasi ilmu. Kini KUIN juga mempunyai hampir 60 tenaga pengajar antarabangsa

yang mampu memberikan khidmat terbaik untuk para pelajar di KUIN ini. KUIN juga mampu menawarkan pengajian di peringkat sarjana dan juga doktor falsafah (PhD) dalam pelbagai bidang ilmu menggunakan bahasa arab, bahasa melayu dan bahasa inggeris khasnya dalam pengajian Islam.

Melalui usaha-usaha yang dilakukan ini, ianya diharap dapat membantu ke arah tercapainya kelestarian kewangan INSANIAH bermula tahun 2017 ini.

Hadirin yang saya muliakan,

Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh graduan yang berjaya menerima ijazah masing-masing sempena Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH kali ke-18.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Sohibus Samahah Dato' Paduka Sheikh Muhammad Baderudin bin Haji Ahmad, Mufti Negeri KedahDarul Aman di atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengajaran Hadis. Ini merupakan satu pengiktirafan di atas kepakaran Sohibus Samahah Dato' Paduka dalam bidang hadis selaku sumber kedua Islam selepas al-Quran.

Sepertimana yang tuan-tuan dapat lihat di luar Dewan Tuanku Sultanah Hajjah Haminah ini, diadakan PESTA KONVO dan saya berbesar hati menjemput semua untuk sama-sama menziarahi dan berbelanja di Pesta Konvo ini sebaik saja selesai Istiadat Konvokesyen bagi membantu menjana pendapatan persatuan-persatuan pelajar dan peniaga-peniaga yang terlibat.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Istiadat Konvokesyen ke-18 Kolej Universiti INSANIAH pada kali ini. Semoga Allah SWT memberkati usaha semua pihak yang terlibat samaada secara langsung mahupun tidak langsung.

Ampun Tunku Beribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun,

Sekian sahaja ucapan daripada patik. Patik bagi pihak majlis sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan Yang Teramat Mulia Tunku berdua ke Istiadat Konvokesyen ke-18 Kolej Universiti INSANIAH pada kali ini.

Patik memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kesalahan adat dan tutur kata dalam ucapan patik sebentar tadi.

Patik-Patik sekalian mendoakan agar Yang Teramat Mulia Tunku berdua dikurniakan keberkatan dan dilimpahi rahmat, kemuliaan serta kesihatan yang baik hendaknya.

AmpunTunku,

Sekian, **Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum W.R.T.**

(TAMAT)